

28 FEB 2002

Mahathir-pulang/I

DR MAHATHIR PULANG DARIPADA BERCUTI

SEPANG, 28 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kembali ke tanah air petang ini setelah bercuti sebulan di luar negara.

Ketibaan beliau di Kompleks Bunga Raya di Lapangan Terbang Antarabangsa KL disambut meriah oleh lebih 1,500 orang diketuai Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Semasa bercuti itu, Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta beberapa menteri telah melawat benua Antartika, satu pengalaman yang disifatkan oleh Perdana Menteri sebagai sekali dalam hidupnya.

Dr Mahathir juga mengadakan lawatan kerja selama lima hari ke Britain termasuk mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya Tony Blair.

Perdana Menteri bersalaman dengan sebahagian besar orang ramai yang berada di lapangan terbang itu, yang berebut-rebut mahu bersalaman dan bertemuannya secara dekat.

Dr Mahathir yang terharu dengan sambutan meriah itu merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang datang untuk menyambutnya.

Sementara itu, Abdullah Shafik, 42, dari Kampung Baru berkata selama ini beliau tidak berpeluang bertemu dan bersalaman dengan Dr Mahathir tetapi hari ini impiannya tercapai.

"Saya merasa gembira dapat bertemu beliau. Dr Mahathir adalah seorang yang saya hormati dan untuk menunjukkan rasa kehormatan saya datang menyambut kepulangannya," katanya.

D. Maheswarri, pelajar sekolah menengah, berkata beliau berasa bertuah dapat berjumpa dengan Perdana Menteri walaupun hanya untuk seketika.

"Beliau adalah seseorang yang patut kita hargai dan hormati kerana jasanya membangunkan negara dan hanya inilah cara saya untuk menunjukkan rasa terima kasih kepada beliau," katanya.

Saiful Bahrin, 32, dari Selayang pula berkata ketiadaan Perdana Menteri sebulan yang lalu beliau merasa seperti kehilangan sesuatu.

"Bila beliau tiada rasanya macam ada sesuatu yang hilang dalam pucuk pimpinan negara, saya gembira beliau pulang dengan selamat," katanya

Norazima Shairi dari Kepong pula berkata Perdana Menteri bukan sahaja seorang yang bekerja keras membangunkan negara malah beliau adalah seorang yang memberi kepentingan kepada golongan wanita.

"Itulah sebabnya saya datang, kita sebagai wanita patut rasa bertuah lahir di negara ini di bawah pimpinan Dr Mahathir di mana nasib kaum wanita tidak diabaikan," katanya.

-- BERNAMA

SR AFY NAK